

# Selayangku Sayang

Buletin MPS | Percuma | September - Disember 2008



## LAMAN BERINGIN JADI ANAK ANGKAT

Parkson Cares telah melaksanakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dengan menaik taraf taman di Laman Beringin, Taman Selayang Utama.

Program tersebut telah dirasmikan oleh YB Puan Elizabeth Wong, Pengurus Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar Negeri Selangor pada 3hb November 2008.



Dalam ucapan perasmiannya, bellau menyeru syarikat-syarikat swasta untuk membantu Kerajaan Negeri bagi mewujudkan suasana hidup yang lebih baik dan sihat. Langkah yang diambil oleh pihak Parkson Grand patut dicontohi syarikat lain dengan

mengambil taman-taman rekreasi untuk dijadikan anak angkat sebagai salah satu program CSR mereka.

Turut hadir dalam program tersebut ialah YB Puan Gan Pei Nel, ADUN Rawang, En Juhar Ahmad, Penolong Setiausaha MPS, En. Lee Kong Huat, taman-taman di mana terdapatnya cawangan Parkson.

Bersambung di muka surat 3...

### Menarik didalam



YDP Dianugerahkan DPMS



Kempen Keselamatan Jalan Raya OKU



OPS Bazaar Ramadhan



Bantuan Mangsa Kebakaran



Aidilfitri Dirai

Penulis:  
Tn. Zainal Abidin Bin Azim  
Yang Dipertua

Tn. Hj. Jamil Bin Basni  
Tim. Yang Dipertua/Setiawasa

Ketua Pengarang  
En. Mohamad Zin Masood

Pen. Ketua Pengarang  
Cik Hilda Sylma bt. Abu Talab

Pengarang  
Pn. Nor Maslawati Asmawa bt. Baharudin

Jurugambar  
Cik Anissopinah bt Mohd Dan

Edaran  
Jabatan Perhubungan Awam  
Dan Perancangan Koperatif

Pejabat Cawangan MPS

Cawangan Rawang  
Jalan Bandar Rawang 2,  
Bandar Baru Rawang,  
48000 Rawang,  
Selangor Darul Ehsan,  
03-6092 7071

Cawangan Kepang  
Jalan Utama,  
Taman Wangsa Permai,  
52200 Kepang,  
Selangor Darul Ehsan,  
03-6277 9457

Cawangan Gombak  
Dewan Beringin,  
Taman Sri Gombak,  
68100 Batu Caves,  
Selangor Darul Ehsan,  
03-6186 3255

Terbitan

Majlis Perbandaran Selayang  
Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-6120 4903 / 4 / 6  
Faks: 03-6138 8933  
Email: [selayangmesto@mps.gov.my](mailto:selayangmesto@mps.gov.my)  
<http://www.mps.gov.my>

\*Perihatan: Semua pendapat dan buah tangan Selayangku Sayang tidak semestinya merupakan pendapat rasmi MPS.

Bantahan dan  
Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Bertemu kembali di keluaran Buletin Selayangku Sayang Majlis Perbandaran Selayang. Pantas benar masa berlalu, tanpa disedari tinggal beberapa hari sahaja lagi kita akan melangkah ke tahun baru 2009. Mengimbau kembali apa yang telah kita lalui 12 bulan yang lalu. Kita semua bukan sahaja berjaya menempuh dugaan, cabaran dan halangan tetapi yang penting dapat bersama meraih beberapa kejayaan yang telah dicapai oleh MPS.

Menyoret kembali pencapaian MPS sepanjang 12 bulan yang lalu, MPS telah berjaya membuat kutipan cukai semasa sehingga bulan Ogos 2008 adalah sebanyak RM 59,367,762.85 atau 77.30%. Manakala kutipan bagi tunggakan cukai taksiran adalah sebanyak RM5,665,324.79 atau 53.74%. Sehingga bulan Ogos, MPS telah menjalankan tindakan rampasan bagi pemilik yang gagal membuat bayaran setelah waran dihantar dibawah seksyen 148, daripada 744 premis yang dilawati sebanyak 24 premis telah dikenakan tindakan rampasan.

Selaras dengan matlamat kerajaan untuk membasmikan kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh kemiskinan keseluruhan kepada 2.8% menjelang tahun 2010, Majlis Perbandaran Selayang telah menyediakan sebuah kaunter di Jabatan Perancangan Bandar dan Pembangunan tingkat 5. MPS adalah PBT pertama yang mempunyai kaunter ini di Negeri Selangor dan Malaysia. Kaunter ini diberi nama Pusat Sejahtera. Jenis bantuan yang diberikan ialah bantuan sewa rumah, bantuan kemasukan ke sekolah, bantuan kemasukan ke IPT, bantuan kos jagaan kanak-kanak ke taska, bantuan kos pengangkutan ke tempat kerja, bantuan kos pengangkutan ke sekolah, dialisis, latihan kemahiran dan bantuan ihsan.

Mulai bulan Januari 2008, unit kawalan mutu makanan telah ditubuhkan di bawah jabatan kesihatan & pelesenan MPS yang berfungsi untuk menjalankan pemeriksaan kebersihan dan keselamatan makanan serta melindungi orang ramai dari bahaya kesihatan dan penipuan dalam penyediaan, penjualan dan pengambilan makanan. Ini adalah sejajar dengan saranan kerajaan negeri Selangor yang meramandang serius dalam kebersihan dan mutu makanan maka MPS telah menetapkan markah penggredian yang baru. Sehingga bulan Ogos 2008, sebanyak 66 premis mendapat Gred A, 56 premis Gred B dan 47 premis mendapat Gred C. Sebanyak 11 premis telah diarahkan tutup. Bagi premis makanan yang mencapai Gred A juga kali berhutang hutang MPS akan memberi



Pengambilalihan semua pengelolaan pasar malam dan pasar pagi di kawasan pentadbiran MPS bermula pada 1hb Januari 2009. Cadangan ini telah disetujui dalam mesyuarat Jawatankuasa kecili pelesenan & pembangunan usahawan yang berlangsung pada 20hb November 2008. Ianya melibatkan sebanyak 49 lokasi dan 5,000 perajah.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat menyambut tahun baru 2009 dan kedatangan bulan Muhamarram 1429H. Tahun 2008 akan kita tinggalkan tidak lama lagi dan ekspektasi dan harapan penduduk Selayang adalah tinggi untuk mendapatkan mutu perkhidmatan yang lebih baik dan berkesan. Saya berharap bagi tahun 2009, kakitangan MPS serta Ahli-Ahli Majlis akan meningkatkan kecekapan. Marilah kita bekerja sebagai satu pasukan yang mantap serta memperkuatkan semangat setiaawan dan persaudaraan yang merupakan kunci kepada apa jua kejayaan yang kita cita-citakan Insya-Allah!

Selamat bertugas.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Zainal Abidin" followed by "Bin Azim".

ZAINAL ABIDIN BIN AZIM  
YANG DIPERTUA

Selangor telah dikurniakan Darjah Kebesaran Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S) yang membawa gelaran Dato'.

Istiadat pengurniaan ini telah berlangsung di Balairung Seri Istana Alam Shah, Klang pada 11 Disember 2008, bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan yang ke-63 Sultan Selangor.

Seramai 99 orang telah dianugerah Darjah dan Bintang Kebesaran Selangor pada majlis tersebut.



*Sambungan dari muka surat depan...*



Acara merasmikan gymn-bar oleh YB Puan Elizabeth bersama En. Lee Kong Huat.



Menanam pokok sebagai tanda kenangan di samping menekankan unsur kehijauan.



En. Efendi Abdullah, wakil Parkson Gran...

Dalam program Pengurus Besar Parkson Corporation dan Ahli-ahli Majlis MPS.

Menurut En. Lee, pihak syarikat telah merancang untuk menganak angkat taman-taman di mana terdapatnya cawangan Parkson. Dalam program gymn-bar di samping menampal laluau yang telah pecah ini, iaanya bukan sahaja melibatkan kewangan, malahan tenaga kakitangannya yang secara sukarela terlibat untuk kerja-kerja mengecat, memperbaiki atau membersih taman.

Dalam program ini, pihak Parkson telah menambah sebanyak tiga buah meja, gymn-bar di samping menampal laluau yang telah pecah.



YB Puan Elizabeth merasmikan Laman Beringin sambil diperhatikan oleh YB Puan Gan Pei Nel dan Encik Juhari Ahmad



Berehat disalah satu wakaf yang dilengkapi dengan meja berkelah yang baru



En Anthony Thanasayan, Ahli Majlis MBPJ menyampaikan cenderamata kepada YB Tuan William Leong.

Kempen Keselamatan dan Kesedaran Kemalangan Jalanraya telah diadakan sempena sambutan Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Sedunia pada 1hb Disember, 2008 di hadapan Stadium MPS. Program tersebut dianjurkan oleh MPS dengan kerjasama Independent Living & Training Centre (ILTC) dan Jabatan Keselamatan Jalanraya (JKJR) Negeri Selangor.

Objektif kempen ini ialah untuk memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai keselamatan OKU semasa di jalanraya. Sikap menghormati dan semangat kerjasama orang

ramai adalah perlu untuk menjamin keselamatan warga OKU di jalanraya.

Dalam ucapan perasmianya, YB Tuan William Leong, Ahli Parlimen Selayang, meryeru kepada masyarakat agar sentiasa peka dan berhati-hati dan sentiasa bertolak ansur dengan pengguna jalanraya terutamanya warga OKU. Beliau juga meryeru agar kita bersama-sama berusaha untuk mengurangkan kadar kemalangan jalanraya yang melibatkan warga OKU.

Beliau seterusnya memuji program anjuran MPS ini kerana di samping menerapkan nilai-nilai murni kepada masyarakat untuk tidak mengabaikan tanggungjawab terhadap golongan OKU, ia juga akan dapat merapatkan hubungan masyarakat dengan pihak berkuasa tempatan.

Selain itu beliau juga berharap agar syarikat swasta dan pertubuhan bukan kerajaan tampil memberi bantuan untuk membuka peluang kepada OKU berkongsi masalah dan menyampaikan pandangan mereka.

Dalam kempen tersebut, pihak JKJR Negeri Selangor telah bermurah hati

untuk menyampaikan sumbangan 120 buah topi keledar dan jaket keselamatan kepada pemilik motosikal warga OKU.

Bagi penerima, mereka amat gembira dan mengucapkan terima kasih atas sumbangan yang diberi di mana lanya dapat membantu untuk kegunaan harian.

Turut hadir dalam program tersebut ialah En. Shah Rizan Mohd Sahid, Pengarah JKJR Negeri Selangor, Puan Rina Kaur, Ahli Majlis MPS, En Thayalan Ahli Majlis MBPJ, Ahli-ahli Majlis MPS, wakil Ketua-ketua Jabatan Daerah dan 80 orang warga OKU.



En. Shah Rizan Mohd Sahid, Pengarah Jabatan Keselamatan Jalanraya Negeri Selangor menerima cenderamata dari En. Anthony Thanasayan.



YB Tuan William Leong meryerahkan topi keledar dan jaket keselamatan kepada wakil-wakil OKU sambil diperhatikan oleh Tuan YDP dan Ahli-ahli Majlis.



Persembahan tarian dari warga OKU.



Hadirin yang terdiri dari wakil-wakil jabatan kerajaan, pihak swasta dan NGO.



**MPS** akan mengambil alih urusan pasar malam di bawah kawasannya, mulai 1hb Januari 2009.

Keputusan tersebut dibuat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pelesahan dan Pembangunan Usahawan Bill 1/2008 yang bersidang pada 20hb November 2008.

Pengambilalihan tersebut akan melibatkan 49 lokasi yang merangkumi 11,057 petak pasardengan penglibatan kira-kira 5,000 penjaja.

Bagi tujuan ini penjaja dikehendaki menghantar semula permohonan mereka untuk tujuan rekod permit penjaja pasar malam.

Penjaja dikehendaki untuk melengkapkan borang berserta dokumen yang lengkap, senarai pembantu, jenis pernilagaan, sijil suntikan anti tifoid dan salinan sijil kursus pengendalian makanan.



Bayaran yang akan dikenakan kepada penjaja pasar malam hanya RM6 dengan merangkumi bayaran untuk permit, kawalan lalulintas, kelolaan sampah, penyediaan tapak dan sebagainya yang disifatkan agak rendah.

Penjaja juga diberikan pilihan untuk membayar dalam tempoh 6 bulan dengan jumlah RM144 atau 12 bulan dengan jumlah RM288. Caj proses sebanyak RM10 akan dikenakan bagi pengeluaran kad pengenalan diri untuk setiap penjaja dan pembantu yang turut diwajibkan mempunyai kad berkennaan.

Sebelum ini timbul isu tapak pasar malam yang dikelolakan oleh individu daripada parti politik tertentu, persatuan atau Jawatkuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dalam kawasan MPS yang telah didakwa mengutip bayaran secara tidak seragam menyebabkan timbul ketidakpuasan hati pihak terbabit.

Pengambilalihan ini selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor yang muhu pasar-pasar berkenaan diambil alih oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

## TERMINAL BAS DIJANGKA SIAP 2009



Kedua-dua yang tidak teratur di stesen bas dan teksi di Bandar Rawang menimbulkan keadaan yang tidak selesa kepada orang ramai terutama pengguna pengangkutan awam. Sehubungan dengan itu, MPS telah meluluskan pembinaan sebuah terminal perhentian bas yang baru di Bandar Baru Rawang.

Pembinaan terminal tersebut dibina oleh Mahumas Sdn Bhd, syarikat yang memiliki pembangunan

Adalah diharapkan dengan siapnya perhentian bas yang baru akan memudahkan penumpang di samping meningkatkan pergerakan trafik yang sesak.

Apabila siap kelak, terminal tersebut akan menyediakan kemudahan untuk perhentian bas, teksi, kaunter penjualan tiket bas ekspres di samping kedai.

Pembinaannya dijangka siap pada awal tahun 2009.



## KANDANG HAIWAN LIAR



MPS dijangka menggunakan kandang untuk tahanan anjing liar yang dibina di Kawasan Perindustrian Rawang mulai awal tahun 2009.

Sebanyak 21 kandang yang akan menempatkan haiwan liar seperti anjing, lembu, kucing dan kambing. Kos pembinaannya ialah sebanyak RM250,000.

Tempat ini juga akan dibuka klinik Kembiri yang akan dijalankan oleh Society for the Prevention of Cruelty to Animals Selangor (SPCA).



Kandang ini akan menggunakan kandang yang sedia digunakan di Bandar Baru Selayang.

Pemilik haiwan yang ditangkap oleh MPS boleh menuntut dengan membayar denda sebanyak RM100 sekor. Walaubagaimanapun sehingga ini hanya 39 pemilik yang datang membuat tuntutan.

Sehingga akhir bulan Julai 2008, Bahagian Vektor telah menangkap sebanyak 2,600 anjing liar.



**B**ahagian Audit Dalam telah menjalankan Enforcement Auditing pada 31hb Disember 2008. Objektif auditing tersebut ialah untuk memastikan Bahagian Pelesenan memantau setiap pemegang lesen perniagaan mematuhi syarat-syarat lesen tersebut.

Ia juga bertujuan untuk memastikan setiap kesalahan dikenakan tindakan mengikut peraturan dan undang-undang yang akan menyedarkan masyarakat terhadap kesalahan yang mereka lakukan. Ops tersebut telah melibatkan Jabatan Pengawas-

Jabatan Kesihatan dan Pelesenan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Bangunan, Bahagian Teknologi Maklumat dan Bahagian Undang-Undang.

Kawasan tumpuan ops ialah Bandar Country Homes, Rawang. Mereka telah membuat pemeriksaan ke atas 34 premis perniagaan dan telah mengeluarkan 36 kompaun atas pelbagai kesalahan di bawah undang-undang kecil dan Akta Jalan Parti dan Bangunan 1974.

Hasil daripada enforcement auditing



tersebut, Bahagian Audit Dalam telah membuat rumusan bahawa penguatkuasaan perlu dilakukan terutama di kawasan Industri yang didapati banyak melanggar peraturan.



## LIMA PUSAT HIBURAN DISERBU

Disember 2008 di sekitar Kepong.

Selain membuat pemeriksaan lesen, operasi ini juga turut disertai Jabatan Imigresen Malaysia bagi tujuan pemeriksaan terhadap pekerja di pusat-pusat hiburan untuk memastikan mereka mempunyai permit yang sah.



Aman Puri, Taman Wangsa Permai dan Perindustrian Tago, Kepong.



Antara tindakan yang diambil ialah menyita barang premis di bawah Sek 6(1) Enakmen Hiburan Dan Tempat-tempat Hiburan 1995, mengeluarkan Kompaun Sek 25 & 32 (1) Peraturan-peraturan Hiburan Dan Tempat-tempat Hiburan 1996 Dan Sek 70 (11) Akta Jalan, Parti & Bangunan 1974.

Turut serta dalam operasi tersebut ialah En. Zulnizam Shahran, Ahli Majlis Zon 21, kakitangan Jabatan Bangunan, Bahagian



Dalam operasi pada malam tersebut, sebanyak lima buah pusat hiburan telah

**B**agi memastikan pemilik-pemilik pusat hiburan mengikuti syarat kelulusan pelesenan,



## OPS BAZAR RAMADHAN

**S**epanjang bulan Ramadhan, MPS telah mengeluarkan permit pernilagaan sementara untuk penjaja di 16 kawasan bazar Ramadhan. Antara syaratnya ialah memiliki kursus pengendalian makanan untuk penjual makanan.

Untuk memastikan penjaja mematuhi syarat-syarat tersebut, pemeriksaan



MPS.

Tuan YDP telah mengetual Ops Bazar Ramadhan di Taman Ehsan, Kepong dengan diringi



Tuan Timbalan YDP, Ahli-ahli majlis dan Pengarah Jabatan pada 11hb September 2008. Dalam operasi tersebut sebanyak dua gerai telah disita kerana menjual mercun, manakala tiga gerai disaman kerana tidak

memiliki permit pernilagaan sementara.



Separang Ops Bazar Ramadhan sebanyak 156 saman dikeluarkan terhadap penjaja yang melakukan pelbagai kesalahan di seluruh kawasan MPS. Tuan YDP menegaskan mereka perlu mengikuti segala syarat yang ditetapkan supaya setiap pemilik dan pembantu mengambil suntikan bagi memastikan mereka bebas dari sebarang penyakit dan wabak sepanjang tempoh berlangsung.

## TAPAK PELUPUSAN SAMPAH HARAM

**M**PS mengeluarkan kompaun RM25,000 terhadap pengelola sampah haram yang beroperasi di Kampung Sungai Kertas yang menjadi tempat pelupusan sampah secara haram sejak lebih lima tahun lalu.



Beliau mengetual operasi bersama Jabatan Pengaukuasa, Jabatan Kesihatan dan Pelesiran dan pihak Polis pada 26hb. November 2008.

En. Ahmad Falzil Baduzaman, Pengarah Pengaukuasa & Kesalamatan MPS, berkata kesalahan dikenakan mengikut Peraturan 70A(1)

MPS telah mengambil pelbagai pendekatan bagi menghalang aktiviti tersebut tetapi penciptaan tan-

Dalam operasi tersebut, anggota Pengaukuasa turut merobohkan sebanyak lima buah penempatan pekerja asing yang didirikan di situ.

Walaupun demikian, pengaukuasa tetap melakukan rondaan dan operasi pada setiap hari, bagi memastikan pembuangan sampah secara haram di kawasan ini tidak berlaku. Ibu ini juga akan dimajukan kepada pihak Pejabat Tapak untuk dilaksanakan sesuai.

47400 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

### Peranan dan Tugas Ahli

Kawasan Kawalan: Taman Bukit Tempier, Tempier Bestari, Tempier Villas, Taman Setia Rawang, Tempier Saujana, Tempier Suasana, Selayang Height, Tempier Heritage, Kg. Melayu Batu 16.

Zon 1



Tn. Chee Chu Sang

No. 55, Jalan Melati 11, Taman Sri Melati, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Kawasan Kawalan: Taman Bukit Sri Melati, Taman Selayang Bahagia, Taman Selayang Indah, Taman Selayang Jaya, Taman Selayang Utama, Kg. Selayang Pandang

Zon 2



YBhg. Dato' Hj. Mazlan b. Hassan  
No. 8, Jalan 30, Selayang Baru,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Kawasan Kawalan: Kg. Selayang Indah, Kg. Mahkota, Taman Selayang Baru, Kg. Selayang Permai, Kg. Selayang Baru, Kg. Bendahara,

Zon 3



Tn. Murugan @ Murugesu a/l Arumugam  
4-326, Jalan Udang Kepal, Taman Sri Segambut,  
52000 Kuala Lumpur.

Kawasan Kawalan: Taman Selayang Segar, Bandar Baru Selayang, Siera Selayang, Pinggiran Tempier, Industri Selayang Baru.

Zon 4



Tn. Kuan Perk Siong  
No.26A, Jalan SG 1/2, Taman Sri Gombak  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Kawasan Kawalan: Taman Prima Selayang, Taman Bukit Idaman, Taman Bidara, Hulu Kepong, Taman Daya, Taman Indah Perdana.

Zon 5



YBhg. Dato' Ir Rashid b. Omar  
No. 7276, Jalan Nilam 1, Taman Setia Gombak,  
53100 Kuala Lumpur.

Kawasan Kawalan: Kg. Simpang Tiga, Kg. Sg. Chinchin, Kg. Gombak Utara, Kg. Orang Asli, Kg. Sg. Pusu, Desa Gemilang, Taman Bukit Leid, Tmn Mutuara Gombak.

Zon 6



Pn. Maznah bt. Abd Aziz

No. 16, Jalan 11, Taman Batu,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Kawasan Kawalan: Taman Changkat Permata, Taman Greenwood, Taman Melewar Indah, Taman Selasih Fasa I, Taman Gombak, Taman Berjaya, Taman Berlian, Desa Minang, Kg. Changkat, Taman Sahabat.

Zon 1

Menjadi tempat rujukan kepada Rakyat dan penduduk setempat

Menjadi orang perantaraan di antara

Bertanggungjawab memastikan kawasan kawalan mereka dalam memerlukan

Bertanggungjawab memantau isu-isu semasa seperti setting

Menerima aduan-aduan dan

Lain-lain peranan dan tugas yang ditugaskan



Tn. Lim Ching How

No. 1, Jalan SG 6/6, Taman Sri Gombak,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Kawasan Kawalan: Taman Boltan, Kg. Sri Gombak Indah, Sunway Batu Caves, Wira Damai, Kawasan Industrial Boltan,

Zon 8



Tn. A Rahim b. Ahmad Kasdi

No. 3, Jalan Pinggiran 2/1, Pinggiran Batu Caves,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Kawasan Kawalan: Taman Sri Gombak, Taman Pinggiran Batu Caves, Vistaan Gemilang, Kg. Melayu Sri Gombak, Taman Bukit Permata.

Zon 9



YAD. Dato' Paduka Raja Dato' Hj. Wan Mahmood b. Pa' Wan Teh

No.4, Jalan 7, Kemensah Height, 68000 Ampang,  
Selangor.

Kawasan Kawalan: Taman Gombak Jaya, Taman Kamarah, Kg. Kerdas, Taman Kentangan, Taman Perwira, Taman Harmonis, Taman Cemerlang, Kg. Sentosa Tambahan, Kg. Tongah Gombak, Taman Setia Gombak, Gombak Setia.

Zon 10



Pn. Khatifah Zamani bt. Sulong

No. 2869, Taman Sahabat,  
Jalan Sepakat, 53100 Gombak.

Kawasan Kawalan: Taman Selasih, Taman Samudera, Apartment Casanova, Apartment Fiona

Zon 1



Tn. Zulkifli b. Hamzah

Lot 245, Lorong Teratal, Kg. Sungai Dua Baharu,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Kawasan Kawalan: Taman Jaya Utama, Taman Jaya, Kg. Sungai Tua Baharu, Kg. Sungai Kertas, Kg. Bahlera, Apartment & Flat J.A Manan.

## s Di Bawah Sistem Zon

mengenai pekara-pekara yang bersangkutan dengan MPS.

syat dengan MPS dan sebaliknya.

adaan baik dan melaporkan kepada MPS pekara-pekara yang dudakan.

eral haram, video haram, masalah sosial dan sebagainya.

ut dan merujuk kepada MPS.

ggungjawab dari semasa ke semasa.



Rawang, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.  
Kawasan Kawalan: Taman Rawang Perdana 2, Taman Rawang Mutiara Timur, Bandar Baru Rawang, Bukit Rawang Putra, Taman Bukit Rawang Jaya, Taman Hijau, Kg. Rajah, Kg. Lim Tan, Taman Greenpark, Taman Sri Hijau, Taman Rawang Jaya, Taman Perindustrian Hijau.

Zon 18



Tn. Md. Sabri b. Md. Talib  
No. 35A, Jalan Kemuning, Kg. Kehanga, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.  
Kawasan Kawalan: Taman Mawat, Setia Jaya, Taman Kanching Jaya, Taman PKNS Blt. 16, Taman Tun Teja, Kg. Sungai Samak, Taman Desa Sri Bayu, Taman Jati, Taman Muhibbah, Taman PKNS Blt. 17, Taman Bersatu, Taman Tun Perak, Kg. Melayu Pekan Rawang, Kg. Dato' Lim Kim Sui, Taman Rawang Perdana.

Zon 19



Tn. Hasbullah b. Mohd Ridzwan  
Lot 8747, Jalan Nakhoda, Kampung Nakhoda, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Kawasan Kawalan: Kg. Nakhoda, Kg. Laksmana, Taman Selayang, Kg. Baru Batu Caves, Taman Desa Putra, Taman Amanlah, Taman Sri Astana.

Zon 13



No. 28C, Jalan BPP 6/11, Bukit Rahman Putra, 47000 Sg. Buloh, Selangor Darul Ehsan.  
Kawasan Kawalan: Rumah Awam Ladang Baru, Kg. Cempedak, Kg. Damai, Pekan Kuang, Kg. Setia Kuang, Kg. Melayu Seti Kundang, Kg. Permata, Kg. Sungai Serai, Taman Kundang Jaya, Taman Desa Kundang, Batu Arang, Bandar Tasik Puteri, Taman Rahmat Jaya, Pekan Kundang, Bandar Baru

Zon 20



YBhg. Prof. Madya Sr. Dr. Hj. Husin b. Mohd Dini  
No. 181, Jalan Jasa 14, Taman Jasa, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Kawasan Kawalan: Kg. Melayu Blt. Caves, Selayang Makmur, Medan Batu Caves, Medan Selayang, Taman Sri Selayang, Taman Desa Batu Caves.

Zon 14



Tn. Samsudin b. A.Rahman  
No. 4, Lot 1611A, Lorong Laloi Batu 20 Kuang, 48050 Rawang, Selangor Darul Ehsan  
Kawasan Kawalan: Rumah Awam Ladang Baru, Kg. Cempedak, Kg. Damai, Pekan Kuang, Kg. Setia Kuang, Kg. Melayu Seti Kundang, Kg. Permata, Kg. Sungai Serai, Taman Kundang Jaya, Taman Desa Kundang, Batu Arang, Bandar Tasik Puteri, Taman Rahmat Jaya, Pekan Kundang, Bandar Baru

Zon 20



Tn. N. Gopalan Krishnan a/l Rajoo  
A10-12, Sri Gotong Apartment,  
Batu 7, Pelan Lama,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Kawasan Kawalan: Apartment Sri Gotong, Laksmana Putri, Indian Settlement, Industri Batu Caves, Laksmana Permai, Kenneson Brothers, Stesen Batu Caves, Taman Sri Batu Caves, Wisma Kerlingat.

Zon 15



Tn. Zulnitzam b. Shahrani  
No. 12, Jalan 1/3, Desa Coalfield, 47000 Sg. Buloh, Selangor Darul Ehsan  
Kawasan Kawalan: Taman Ehsan Fasa 38, Taman Ehsan, Taman Ehsan Timur, KIP Damansara, Kg. Melayu Batu 13, Kg. Orang Asli, Taman Sri Aman Height, Kg. Sungai Lagong, Kg. Masjid, Kg. Sentosa, Taman Wangsa Permai, Kg. Desa Aman, Siemamas, Taman Suria, Kg. Sri Bunga, Valencia.

Zon 21



Pn. Gurdip Kaur a/p Pritam Singh  
No. 76, Taman Garling,  
48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan

Kawasan Kawalan: Kg. Rawang Tin, Taman Sri Rawang, Taman Sri Garling, Taman Garling Utama, Kg. Sungai Dua Tambahan, Taman Belmas Johan, Taman Idaman, Kg. Kuda Garling, Taman Garling Jaya, Taman Garling, Taman Kota Emerald, Taman Pelangi.

Zon 16



No. 1080, Jalan 1CS, Bandar Baru Sungai Buloh, 47000 Sg. Buloh, Selangor Darul Ehsan  
Kawasan Kawalan: Taman Impian Indah, Saujana Akasia, Taman Matang Jaya, Kawasan Perumahan Hong Leong, Kg. Matang Pagar, Taman Bukit Desa Indah, Bukit Rahman Putra, Kg. Sri Indah A, Kg. Sri Indah B, Taman Villa Putra, Taman Sri Putra.

Zon 22



Tn. Hj. Mohamad b. Abdul Rahman  
No. 21, Jalan Desa 1/15, Bandar Country Homes, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.

Kawasan Kawalan: Kg. Sungai Bakau Tambahan, Kg. Sungai Bakau, Taman Desmas, Taman Velox, Taman Kota Bidari, Bandar Country Homes, Puteri Height.



No. 11, Jalan 21, Desa Jaya, 52100 Kepong, Selangor Darul Ehsan  
Kawasan Kawalan: Puncak Desa, Taman Sungai Desa, Desa Jaya, Taman Sri Ehsan, Ehsan Jaya, Taman Usaha Jaya, Desa Aman Putri, Perindustrian Tago.

Majlis sambutan perayaan Deepavali telah diadakan pada 25hb Oktober 2008 di Dewan Sg. Tua, Batu Caves.



En. Paramasivam, selaku Pengerusi Sambutan berkata, mereka amat berbesar hati dengan kerjasama yang telah diberikan oleh pihak pengurusan untuk mereka menjayakan program tersebut. Program yang dikenali sebagai Sinaran Deepavali adalah merupakan aktiviti tahunan



Sinaran Deepavali pada kali ini telah turut meraikan pesara-pesara



sejak tahun 2000. Selain jamuan makan malam, para tetamu telah dihiburkan dengan persembahan artis jemputan.

Tetamu Kehormat pada majlis tersebut ialah Tuan YDP dan isteri. Turut hadir ialah Ahli-ahli Majlis, Pengarah-pengarah Jabatan dan kakitangan MPS.

yang berketurunan India. Selain itu, kutipan derma kiat juga telah diadakan di kalangan hadirin untuk disampaikan ke rumah kebajikan.



## KEM KESIHATAN PERCUMA

Jawatankuasa Penduduk Zon 4 telah mengadakan Kem Kesihatan pada 23hb Disember 2008 di Lobi Menara MPS.

Tuan A. Murugesu, Ahli Majlis Zon 4 selaku pengatur berkata, antara perkhidmatan yang diberi ialah pemeriksaan jisim tubuh, tekanan darah, paras kolesterol darah dan glukosa dalam darah nasthat pemakanan dan derma darah yang diadakan secara percuma.

Program telah diadakan dari jam 9 pagi hingga 3 petang



telah dihadiri seramai kira-kira 300 orang. Turut hadir ialah Tuan YDP, YB Gan Pei Nei, ADUN Rawang, YB Lim Lip Eng, Ahli Parlimen Segambut dan YB Lau Weng San ADUN Kg. Tunku.

Program ini dianjurkan dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Gombak, Hospital Selayang dan Tabung Darah Negara.

## KEMPEN ANTI DENGGI



Kempen Anti Denggi peringkat Zon 12 telah diadakan pada 25hb Oktober 2008 di Taman Jasa Utama, Gombak.

Tuan Zukifli Hamzah selaku Ahli Majlis Zon 12 menyatakan objektif utama program ialah untuk menimbulkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk bersama pihak berkusa bagi memerangi wabak demam denggi.

Selain itu, program ini juga bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara penduduk setempat dan agensi kerajaan.



Sehubungan dengan itu, dalam program tersebut telah diadakan ceramah dan pameran berkaitan





**Sumbangan**  
Dato' Mazlan  
menyampaikan sumbangan.



### Musnah terbakar....

Beginilah keadaan rumah yang terletak di Jalan Sungai Tua, yang hangus keseluruhannya.

**K**e j a d i a n malang yang menimpa ketiga-ketiga keluarga mangsa mendapat perhatian MPS dan pemimpin setempat.

Dato' Mazlan Hassan, Ahli Majlis Zon 3, Mohamad Abd Rahman, Ahli Majlis MPS, dan wakil MPS telah menyampaikan sumbangan kepada keluarga mangsa kebakaran pada 25hb September 2008.

**S**ebagai acara tahunan di bulan Ramadhan, program memasak bubur lambuk yang diadakan pada 15hb. September 2008.

Tuan YDP, berkata program di bawah Biro Agama, Kelab Sukan dan Kebajikan MPS ini merupakan aktiviti anjuran kakitangan.

"Dengan adanya kerja-kerja memasak yang dilakukan secara gotong royong ini, bukan sahaja merapatkan hubungan sesama kakitangan MPS, tetapi pada masa yang sama dapat meneruskan tradisi menyediakan juadah berbuka puasa. Selain Tuan YDP dan Timbalan YDP, beberapa orang Ahli Majlis turut hadir dalam program gotong royong memasak bubur lambuk. Sementara itu Pengerusi Biro Agama, Mohd Ramli Rosli

pemimpin setempat seboleh-bolehnya akan memastikan keperluan asas

mangsa yang terlibat akan diberikan memandangkan hampir seratus peratus



**Prihatin**  
Wakil MPS  
menyampaikan sumbangan dengan dipertahankan oleh Ahli Majlis.

harta mereka tidak sempat diselamatkan.

Keluarga mangsa ditempatkan sementara di Dewan Orang Ramai, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Mahkota.

Lembaga Zakat Selangor (LZS) di wakili Pegawai Agihan Zakat LZS Gombak Barat, Mohd Abadi Ahamad turut menyampaikan sumbangan sebanyak RM300 setiap keluarga, sebelum bantuan seterusnya dibuat selepas semakan.



### TRADISI MEMASAK BUBUR LAMBUK



sebanyak tujuh perluk dengan bahan ayam dan daging digunakan untuk masakan berkenaan, yang menghasilkan sebanyak 1,000 bungkus.

"Selain kakitangan, kita turut akan sampaikan bubur lambuk ini kepada penduduk sekitar".

"Insya'Allah, kita merancang jika tiada halangan mungkin kita boleh memperuntukkan kepada orang luar pada tahun hadapan", kata Ramli yang dibantu kakitangan MPS dan 24 Ahli Jawatankuasa Bironya, yang memasak sejak awal





*Antara hadirin dalam ceramah agama.*

**P**ada tahun ini majlis berbuka puasa telah diadakan bersama-sama 30 orang anak-anak yatim dari Balitul Fitrah, Bandar Country Homes, Rawang. Majlis tersebut telah diadakan pada 18hb September 2008 bersamaan 18 Ramadhan 1429H di ibu Pejabat MPS.

Majlis dihadul dengan ceramah agama yang disampaikan oleh Tuan Hasbuliah b. Mohd Ridzwan, Ahli Majlis MPS. Majlis tersebut telah turut dihadiri oleh YB Tuan Amiruddin Shari, ADUN Batu Caves selaku tetamu khas, Tuan YDP, Tuan Tim. YDP, Ahli-Ahli Majlis dan

300 kakitangan MPS.

Dalam ucapannya, YB Tuan Amiruddin Shari berharap agar MPS menganjurkan lebih banyak program



menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim yang hadir.



*Bersama anak-anak yatim yang diraikan.*



*Sumbangan kepada balu kakitangan MPS.*

## PERHIMPUNAN SYAWAL

**P**erhimpunan Bulanan Bersama Tuan YDP telah diadakan pada 26hb. September 2008.

Dalam ucapannya Tuan YDP menyeri kakitangan agar sentiasa bersikap positif dan berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan. Ini adalah kerana cabaran perkhidmatan awam semakin bertambah sesuai dengan perkembangan global.

Beliau juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat



*YBhg. Ustaz Kamal Ashari.*



*Sebahagian daripada kakitangan wanita.*

menyambut Aidilfitri kepada seluruh kakitangan dan berharap agar sambutan dibuat dengan cara yang berhemah dan berhati-hati di jalanraya.

Sebagai persiapan untuk menyambut kedatangan Aidilfitri, MPS telah menjemput Ybhg. Ustaz Kamal Ashari menyampaikan ceramah. Berbagai panduan dan nasihat yang telah diberikan sesuai dengan kehendak





**Antara EXCO yang hadir YB Dato' Dr. Hassan Ali,  
YB Tuan Ir. Iskandar A. Samad dan YB Hj. Yaacob Safari**

# Aidilfitri dirai



**Tuan YDP juga turut melayan tetamu yang hadir  
memeriahkan sambutan**

Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri MPS telah diadakan pada 15hb Oktober 2008 bertempat di ibu Pejabat MPS di Bandar Baru Selayang.

Seramai kira-kira 4,000 orang telah hadir di majlis tersebut yang dibuka dari jam 11 pagi hingga jam 4 petang.

Sambutan pada tahun ini melibatkan seluruh jabatan MPS untuk menyediakan juadah dan menghias gerai-gerai yang telah disediakan. Selain itu, Kelab Sukan dan Kebajikan MPS, Puspanita Daerah Gombak dan Koperasi MPS (KOMAS) turut serta menyediakan hidangan untuk para tetamu.



**Antara penyambut tetamu**



**Gerai Jabatan Bangunan mendapat tempat pertama**



**Tempat kedua**



**Gerai-gerai yang disediakan oleh kakitangan MPS menyediakan pelbagai juadah kepada warga selayang**

Antara tetamu EXCO ialah YB Dato Dr. Hj. Hassan Ali, ADUN Gombak Setia, YB Tuan Ir. Iskandar A. Samad dan YB Hj. Yaacob Safari. Turut hadir ialah YB Gan Pei Nel, ADUN Rawang, Ahli-Ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan Daerah dan kakitangan pelbagai agensi dan juga pihak swasta di samping orang ramai.



**Para tetamu dihiburkan dengan artis jemputan**



**Maskot MPS turut menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak yang turut hadir  
memeriahkan majlis**

Antara juadah yang menjadi tumpuan ialah, lemang, ketupat, satay, rojak, kambing panggang, tauhu bakar, cendol dan tapai.

Para pengunjung telah dihiburkan dengan telatah Ali Mamak, Aziz Kota dan Opah Glamor yang diiringi kugiran MPS The Exoras.



**Para tetamu sedang menikmati makanan yang disediakan**


Nama	Jawatan	Tarikh Lantikan
<b>Kakitangan Baru</b>		
Saadah bt. Md. Kassim	Pembantu Undang-Undang N22	02.09.2008
Emida Hanem bt. Mohd. Hussin	Pembantu Undang-Undang N22	02.09.2008
Nurul Husna bt. Sharifudin	Juruteknik Lanskap J17	02.09.2008
Tengku Kamarul Aiffin b. Raja Jali	Juniteknik Ukar Bahan J17	02.09.2008
Shahirman b. Shahrudin	Pen. Pegawai Tadbir N27	03.11.2008
Mohd. Hafiz b. Mokhtar	Pen. Juniaudit W27	03.11.2008
Ahmad Yusalni b. Mohd Yusof	Pembantu Tadbir N17	03.11.2008
Adina bt. Ibrahim	Pembantu Tadbir N17	03.11.2008
Mazura bt. Othman	Pembantu Tadbir N17	03.11.2008
Siti Fatimah bt. Mohd Rafai	Pembantu Tadbir N17	03.11.2008
Wan Razli b. Mohd Ali	Pembantu Tadbir N17	03.11.2008
Nur Suraini bt. Bahaudin	Pembantu Tadbir N17	03.11.2008
Mohd Hazri b. Nordin	Pembantu Tadbir N17	03.11.2008
Lidyawati bt. Abdullah	Pembantu Tadbir N17	03.11.2008
Muhammad Kasri b. Muharodin	Pen. Pegawai Persekitaran U29	01.12.2008
Fazilah bt. Ibrahim	Pen. Pegawai Persekitaran U29	03.11.2008
Azzatul Hibayu bt. Mohd Talib	Pen. Pegawai Persekitaran U29	01.12.2008
Hasrol Aswad b. Md Desa	Juruteknik Bangunan J17	01.12.2008
Mohamad Rais b. Saidin	Juruteknik Bangunan J17	01.12.2008
Noor Haliza b. Idderis	Juruteknik Bangunan J17	01.12.2008
Mohd Alzuddin b. Mohd Yusof	Juruteknik Bangunan J17	01.12.2008
Mohd Farros b. Jaafar	Juruteknik Perancang Bandar J17	01.12.2008
Radiyah bt. Zainal	Pembantu Penilaian W17	01.12.2008
Noorashikin bt. Mohd@Mat Saleh	Pembantu Penilaian W17	01.12.2008
Muhammad Kasri b. Muharodin	Pen. Pegawai Persekitaran U29	01.12.2008
Noorashikin bt. Mohd@Mat Saleh	Pembantu Penilaian W17	01.12.2008
Mohd Zaki b. Abdollah	Juniaudit W17	01.12.2008
Mohd Shahmi b. Awang Ahmad	Pembantu Tadbir N17	01.12.2008
Hartini bt. Halimin	Pembantu Tadbir N17	01.12.2008
Halirul b. Basri	Pembantu Tadbir N17	01.12.2008
Suhana bt. Yusof	Pembantu Tadbir N17	01.12.2008
Fadillah bt. Zaharuuddin	Pembantu Tadbir N17	01.12.2008
Norazfar bt. Abd Aziz	Pembantu Tadbir N17	01.12.2008
Fadillah bt. Zaharuuddin	Pembantu Tadbir N17	01.12.2008
Norazfar bt. Abd Aziz	Pembantu Tadbir N17	01.12.2008

#### Kontrak ke Jawatan Tetap

Jamilah bt. Mohamad Yusof	Pembantu Tadbir N17	02.09.2008
Mohammad Asri b. Abdullah	Pembantu Tadbir N17	02.09.2008
Munira bt. Mohamed	Pembantu Undang-Undang I29	02.09.2008
Nor Haslinda bt. Latif	Pembantu Aktauntan W17	01.12.2008
Mohd Faizal b. Sutris	Juniaudit W17	01.12.2008
Irda Marilina bt. Mohd Tahir	Pembantu Tadbir N17	01.12.2008
Rizwana bt. Sulaiman	Pembantu Tadbir N17	01.12.2008

#### Kenaikan Pangkat

Kannama a/p Karuppusamy	Pembantu Tadbir N22	02.09.2008
Aziah bt. Kamarulzaman	Pembantu Tadbir N22	02.09.2008
Abd Razak b. Alias	Pen. Pegawai Perancang J30	02.09.2008



tuk meninjau masalah dan punca kelewatan untuk menyiapkan projek. Selain itu, hasil lawatan juga turut mengenalpasti masalah lain seperti sewa gerai yang tinggi di samping isu prasarana yang masih belum disiapkan oleh pemaju.

**Selayang Baru** - Lawatan Turun Padang ke projek pembangunan Pasar Moden Selayang Baru telah diadakan pada 6hb September 2008.



YB Tuan William Leong, Ahli Parlimen Selayang melakukan lawatan tersebut dengan dilingi Ahli-Ahli Majlis, Tuan Timbalan YDP, Pengarah-pengarah Jabatan dan pihak Alam Flora Sdn. Bhd.

Tujuan lawatan ialah un-



Sehubungan dengan itu, YB Tuan William Leong akan membawa perkara tersebut kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk menyelesaikan segala masalah demi kebaikan penjaja dan pengunjung pasar.

Lawatan tersebut juga turut meninjau isu persempadanan di Pasar Borong Selayang khususnya berkaitan dengan kebersihan, lalulintas dan penyusunan gerai.

Hasil dari lawatan ini adalah kesimpulan bahawa permasalahan utama yang menyebabkan kelewatan dalam menyiapkan projek ini ialah

lawatan di Kawasan Pasar Moden Selayang yang tidak dapat dilaksanakan kerana faktor cuaca buruk. Kesanannya ialah projek ini belum dilaksanakan.



Hasil daripada lawatan ini ialah segera buat rencana baru di setiap masa. Dengan memperbaiki permasalahan yang ada, projek ini boleh dilaksanakan.

Lawatan ke sini adalah berdasarkan di setiap masa. Dengan memperbaiki permasalahan yang ada, projek ini boleh dilaksanakan.



Hasil daripada lawatan yang dilaksanakan pada hari ini ialah:

Meninjau lawatan ke Kawasan Pasar Moden Selayang dan menyimpulkan bahawa permasalahan utama yang menyebabkan kelewatan dalam menyiapkan projek ini ialah



Hasil daripada lawatan ini ialah segera buat rencana baru di setiap masa. Dengan memperbaiki permasalahan yang ada, projek ini boleh dilaksanakan.

## MENAIKTARAF TAMAN RIMBA TEMPLER



Rawang - Sebanyak RM 1 juta telah diperuntukan untuk Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan dan Rekreasi di Taman Rimba Templer, Rawang melalui Projek Pembangunan RMK Ke-9 Negeri Selangor.

YB Elizabeth Wong, ADUN Bukit Lanjan dan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna Dan Alam Sekitar telah melakukan lawatan dengan dilingi oleh Ahli-Ahli Majlis, Pengarah-pengarah Jabatan dan Pihak Kontraktor yang dilantik pada 27hb November 2008.



Ini adalah meliputi kos menaiktaraf Laluan Masuk, Tandas Awam & Tempat Persalinan, Wakaf, Surau, Geral, Laluan Pejalan KakI/Jogging Track, Kawasan Perkemahan, Tempat Perkelahan / BBQ, Taman Permainan, Taman Perabot seperti 20 unit tempat duduk dan 30 unit tong sampah, sistem aliran dan lanskap

**101** Baba & Associates telah menganjurkan Karnival Tarik Tali Merdeka Selangor 2008 pada 30hb & 31hb Ogos 2008 bertempat di Padang Kg. Batu Caves, Batu Caves.

Pertandingan ini terbahagi kepada beberapa kategori iaitu Terbuka Beruniform, Kategori Terbuka, Tertutup, Bawah 20 Tahun dan Kategori Wanita.



Pasukan PDRM A telah muncul sebagai juara setelah menewaskan VAT 69 dalam kategori Terbuka Beruniform. Manakala tempat ketiga dan keempat ialah Brigad Tengah A dan Tiger 6.

Dalam kategori terbuka pula pasukan MBSA muncul juara setelah menewaskan pasukan Budiman. Tempat ketiga dan keempat pula adalah milik pasukan West Port dan Majlis Perbandaran Klang.

Pasukan Bandar Baru Selayang muncul juara untuk kategori tertutup dengan menewaskan pasukan Batu Caves 68100. Tempat ketiga milik Persatuan Tarik Tali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan tempat keempat ialah

pasukan Carlton Hotel. Dalam Kategori Wanita, pasukan Puteri Meru menjadi juara, manakala Pasukan Budiman tempat kedua.

YAB Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor dalam ucapannya berharap acara ini dijadikan sebagai acara tahunan. Menurutnya acara seperti ini dapat memberi peluang kepada masyarakat untuk menyaksikan acara yang menarik di samping aktiviti riadah yang boleh memupuk semangat serta kawan.

"Acara seperti ini, secara tidak langsung akan mampu menarik pelancong dalam dan luar negeri dengan memberi peluang masyarakat setempat

meningkatkan aktiviti perekonomian," beliau menegaskan ketika berucap di majlis perasmian karnival.



## MPS URUS CATUR DAN KAROM

MPS telah dilantik oleh MAKSAK Selangor untuk mengurus pasukan Karom dan Catur MAKSAK Selangor untuk ke kejohanan Karom yang diadakan pada 31hb Julai - 4hb Ogos 2008 di Auditorium Sri Pinang, Pulau Pinang.

Pengurus pasukan Catur

manakala pengurus pasukan Karom ialah En. Jamaluddin Mat Dari, Ketua Bahagian Kemudahan Awam, MPS.

Dalam kejohanan tersebut, pasukan Karom telah mendapat tempat kedua manakala pasukan catur buat pertama kali mereka mencatat sejarah layak ke

## SUMBANGAN UNTUK KONTINJEN SUKMA

Majlis Sukan Negeri Selangor telah memilih MPS sebagai Bapa Angkat kepada 4 buah pasukan SUKMA Selangor yang menyertai Kejohanan SUKMA Ke-12 yang telah berlangsung pada 28hb Mei hingga 9hb Jun 2008 di Negeri Trengganu.

Pasukan yang terlibat ialah

Takraw Wanita. Sehubungan dengan itu satu majlis ramah mesra dengan para atlit yang terlibat telah diadakan pada 20hb Mei 2008, di Dewan Keralan, Menara MPS.

Dalam majlis tersebut Tuan YDP telah menyampaikan sumbangan wang tunai